

Bomba selesai periksa lebih 300 pusat tahfiz

➔ Tubuhkan Pasukan Petugas Khas di setiap negeri pastikan keselamatan capai piawaian



Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias
wanti@bh.com.my

• Kuala Lumpur

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sudah memeriksa lebih 300 pusat tahfiz di seluruh negara sejak kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kampung Datuk Keramat, di sini, yang mengorbankan 23 nyawa pada 14 September lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim, berkata JBPM juga mewujudkan Pasukan Petugas Khas di setiap negeri bagi memastikan keselamatan pusat tahfiz mencapai piawaian ditetapkan.

Beliau berkata, pasukan itu akan menyiapkan laporan hasil pemeriksaan 941 pusat tahfiz di seluruh negara, termasuk 329 yang tidak berdaftar, dalam tempoh sebulan.



JBPM tak akan bertolak ansur lagi kerana ia babitkan isu keselamatan dan nyawa"

Wan Mohd Nor Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat

Setakat ini, katanya, pelbagai kesalahan berkaitan aspek keselamatan dikenal pasti dan JBPM memberi tempoh antara seminggu hingga sebulan kepada pengurusan tahfiz berkenaan sebelum pemeriksaan ulangan dibuat.

"Tempoh masa dan tindakan yang perlu diambil pihak pengurusan berbeza mengikut jenis kesalahan mereka kerana ada tindakan memerlukan khidmat kontraktor serta dana mencukupi.

Tindakan mahkamah

"Kegagalan mematuhi arahan dalam tempoh masa mengikut rundingan dan persetujuan kedua-dua pihak itu akan menyebabkan tindakan mahkamah untuk perintah tutup diambil.

"Bagaimanapun bagi bangunan yang tidak sesuai untuk dijadikan penempatan pelajar, ia akan diarah tutup serta merta," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau diminta mengulas kepu-

tusan Kabinet supaya JBPM memeriksa semua pusat tahfiz di seluruh negara untuk memastikan keselamatan pusat itu dipertingkatkan atau diarah menghentikan operasi jika terus mengabaikan.

Kabinet bersetuju dengan enam syor dikemukakan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pasukan Petugas Khas Sekolah Tahfiz termasuk meminda Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) merangkumi aspek akademik, kurikulum dan keselamatan.

Wan Mohd Nor berkata, antara keutamaan keselamatan yang diberi perhatian adalah penempatan pelajar iaitu asrama, laluan keluar masuk keselamatan, tangga kecemasan, bilangan pelajar yang sesuai dengan keluasan bilik, pemasangan jeriji tingkap dan alat pemadam api.

"JBPM tidak akan bertolak ansur lagi dengan mana-mana pihak pengurusan tahfiz kerana ia membabitkan isu keselamatan dan nyawa," katanya.



Keratan BH pada 16 September lalu.

Fakta nombor

941 PUSAT tahfiz di seluruh negara

392 PUSAT tahfiz tidak berdaftar

150,000 PELAJAR tahfiz di seluruh negara

Pertemuan bincang kurangkan risiko kebakaran

Kuala Lumpur: Pengusaha dan pengendali sekolah tahfiz seluruh negara akan menghadiri pertemuan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Putrajaya pada Rabu ini, bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan khususnya langkah meningkatkan tahap keselamatan, sekali gus mengurangkan risiko kebakaran di premis masing-masing.

Pengerusi Eksekutif Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (YPPM), Datuk Dr Mashitah Ibrahim, berkata pihaknya sudah menerima jemputan rasmi bagi menghadiri pertemuan dengan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim yang antara lain akan memberi tumpuan terhadap usaha memastikan kejadian kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, di ibu negara baru-baru ini tidak berulang.

Beliau difahamkan pertemuan itu dibuat atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang amat prihatin dengan tragedi kebakaran itu, sekali gus menunjukkan ketegasan pemimpin negara dalam isu keselamatan pelajar tahfiz.

Kurangkan rasa skeptikal

Katanya, selain mencapai kata sepakat, beliau berharap pertemuan itu akan mengukuhkan hubungan JBPM dengan pengusaha dan pengendali sekolah tahfiz serta mengurangkan rasa skeptikal atau syak wasangka pihak berkaitan yang bimbang dengan tindakan penguatkuasaan.

"Arahan Kabinet supaya JBPM melakukan siasatan terhadap piawaian keselamatan di semua pusat tahfiz seluruh negara bagi memastikan kejadian kebakaran tidak berulang menunjukkan sikap se-



Mashitah Ibrahim

rius dan ketegasan kerajaan dalam menangani tragedi berkenaan," katanya kepada BH, semalam.

Perdana Menteri ketika berucap pada sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan di Masjid Wilayah Persekutuan semalam, dilaporkan berkata pemeriksaan ke atas semua pusat tahfiz adalah untuk memastikan tahap keselamatannya mencapai piawaian ditetapkan.

Najib berkata, pusat tahfiz yang gagal mematuhi aspek keselamatan akan diberi tempoh untuk meningkatkan keselamatan dan jika masih gagal berbuat demikian, pusat berkenaan tidak dibenarkan beroperasi.

Sementara itu, Mashitah turut melahirkan kecewa kerana masih ada sebilangan pengusaha dan pengendali sekolah tahfiz mengambil sikap 'bermusuh' dengan JBPM, sikap yang disifatkannya berbeza

dengan pengendali sekolah jenis kebangsaan Cina.

Katanya, selain bekerjasama sepenuhnya dengan JBPM dalam memastikan aspek keselamatan mematuhi piawaian, sekolah tahfiz juga wajib menyertai Skwad Bomba Pondok yang dilancarkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, YPPM sedang menyiapkan buku direktori sekolah pondok yang mengandungi butiran sekolah pondok termasuk yang tidak berdaftar dengan kerajaan negeri dan agensi berkepentingan akan dilancarkan tahun depan.

"Kami dalam proses mengumpul maklumat hasil bancian di seluruh negara dan direktori ini memudahkan orang ramai untuk mendapatkan maklumat berkaitan sekolah pondok," katanya.